

Mengenali Tradisi Adat Resam Perkahwinan Kaum Melanau Di Sarawak

Nur Aqilah Binti Azlie

Qhairunissa Suffianna Binti Zainal

Jannatul Iza Binti Ahmad Kamal

Mohd Zairol Masron

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Kaum Melanau merupakan salah satu kaum utama di negeri Sarawak yang mempunyai adat dan keistimewaannya tersendiri. Dipercayai, adat resam perkahwinan kaum Melanau merupakan tunjang kehidupan sesebuah keluarga. Setiap upacara dalam adat perkahwinan kaum Melanau ini dilaksanakan dengan penuh adat istiadat. Kajian ini membincangkan mengenai adat resam dan keunikan perkahwinan kaum Melanau yang terdapat di Sarawak. Tujuan kajian ini adalah untuk mengangkat tradisi yang semakin pupus di kalangan masyarakat. Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pantang larang dalam adat resam perkahwinan kaum Melanau, Sarawak. Kaedah temu bual telah dijalankan bersama seorang tokoh yang mahir dan berpengetahuan luas dalam bidang adat resam perkahwinan kaum Melanau, Sarawak. Diharapkan kajian ini dapat membantu para penyelidik untuk membuat rujukan dan menambah pengetahuan tentang adat resam ini.

Kata kunci: Adat resam, adat perkahwinan, kaum Melanau, pantang larang, Sarawak.

ABSTRACT

The Melanau are one of the main races in the state of Sarawak that have their own traditions and privileges. It is believed that the Melanau wedding traditions are the backbone of a family's life. Every ceremony in the wedding traditions of the Melanau people is performed with full traditions and is very lively. This study discusses the traditions and uniqueness of Melanau marriage found in Sarawak. The purpose of this study is to lift the increasingly extinct tradition among the community. The interview method was conducted with a skilled and knowledgeable figure in the field of Melanau wedding traditions in Sarawak. In addition, this study was conducted to identify the taboos in the wedding traditions of the Melanau, Sarawak. It is hoped that this study can help researchers to make references and add more knowledge about these traditions.

Keywords: Traditions, wedding traditions, Melanau people, taboos, Sarawak.

PENGENALAN

Malaysia umumnya dikenali sebagai negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak yang mempunyai pelbagai kaum dan latar belakang yang unik. Kepelbagaian dan keunikan ini perlulah dipelihara supaya dapat diturunkan kepada generasi akan datang demi mengekalkan kesinambungan tamadun sesuatu bangsa. Maka, tradisi setiap kaum perlu dipelihara dan dilindungi sepanjang zaman untuk menjadi lambang warisan dan kebudayaan masyarakat supaya tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas lebih-lebih lagi di negeri Sabah dan Sarawak yang mempunyai latar belakang masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum yang unik. Kepelbagaian kaum ini menunjukkan keunikan masing-masing yang mempunyai kepercayaan yang berbeza dalam mengamalkan adat resam seperti adat memuja, adat menerima tetamu, adat perkahwinan, adat kematian dan banyak lagi.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), jumlah populasi rakyat Sarawak yang terkini adalah sebanyak 2.9 juta orang. Antara kaum utama yang terdapat di Sarawak ialah kaum Melayu, Iban, Cina, Bidayuh, Melanau, Kenyah, Kelabit, Lun Bawang, Bisaya, Penan dan banyak lagi. Justifikasinya, dapat dilihat bahawa penduduk di Sarawak terdiri daripada pelbagai kaum dari Utara Sarawak hingga ke Selatan Sarawak. Kaum Melanau pula merupakan kaum Bumiputeraya yang keempat terbesar di Sarawak selepas kaum Iban, Melayu, dan Bidayuh. Menurut penyelidik Barat, selain daripada panggilan kaum Melanau, kaum ini juga disebut dengan *Millanow*, *Milanowes*, *Milanos* dan *Milano*. Sejarah gelaran Melanau ini diperolehi oleh masyarakat Melanau adalah daripada kisah pada zaman pemerintahan Sultan Brunei (Sarawak Voice, 2019). Kaum Melanau meliputi daripada lebih kurang 6% penduduk di negeri Sarawak. Masyarakat Melanau kebanyakannya tinggal di kawasan pesisiran pantai sepeni Igan, Oya, Mukah, Dalat, Matu, Daro, Rajang dan Bintulu.

Corak kehidupan masyarakat Melanau ini lebih tertumpu dalam sektor pertanian dan perikanan. Mereka terdiri daripada golongan nelayan dan petani yang terkenal dengan penanaman pokok sagu. Pada masa kini, kaum Melanau menjalani kehidupan sehari-hari sama seperti kaum lain di Malaysia. Tidak ramai di kalangan kaum Melanau yang masih mengamalkan adat tradisional lama

kaum Melanau. Walaubagaimanapun, adat-adat yang masih diamalkan ialah adat kelahiran, adat kematian, perayaan Kaul dan adat perkahwinan (Sarawak Bumi Kenyalang, 2015).

Secara umumnya, kajian ini hanya merangkumi adat perkahwinan bagi kaum Melanau di negeri Sarawak. Adat perkahwinan kaum Melanau adalah sama seperti masyarakat lain iaitu mempunyai majlis merisik, meminang, menikah dan mempunyai majlis perkahwinan. Namun begitu, terdapat beberapa proses tambahan dalam proses perkahwinan kaum Melanau yang membuatkan ia sangat unik dan berbeza dengan adat-adat yang diamalkan oleh kaum lain yang terdapat di Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini memberi penumpuan berkaitan dengan adat resam dalam masyarakat kaum Melanau di Sarawak yang semakin dipinggirkan oleh generasi muda. Ini adalah disebabkan kurangnya pengetahuan dan pendokumentasian tentang adat resam perkahwinan kaum Melanau. Kaum Melanau di Sarawak amat menitikberatkan tentang adat dan kepercayaan. Menurut Utusan Borneo Online (2017), budaya dan adat resam harus dikekalkan dalam amalan generasi masakini supaya tidak ditelan zaman. Oleh itu, pendokumentasian tentang adat resam perkahwinan kaum Melanau yang dikatakan sangat unik dan berbeza daripada kaum yang lain sumber primer untuk generasi akan datang. Hal ini sejajar dengan usaha Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang sedang giat mengerakkan usaha mendokumentasi seni warisan dan budaya yang kian pupus akibat kekurangan atau tiadanya pewaris meneruskan legasi warisan itu (Bernama, 2019).

Di Malaysia, kebanyakan warisan budaya tradisi tidak lagi diturunkan kepada anak-anak mahu pun dalam komuniti itu sendiri. Tambahan lagi, satu-satunya pengamal dan penggiatnya yang semakin lanjut usia telah menyebabkan warisan budaya tradisi semakin hilang dan dilupakan (Bernama, 2019). Dalam hal ini juga, orang sumber yang mengetahui dan mengamalkan tentang adat perkahwinan kaum Melanau semakin berkurangan. Kebanyakan orang sumber yang arif tentang adat istiadat kaum Melanau ini merupakan generasi yang sudah berumur dan tidak mahudi temu bual. Manakala, generasi muda pula kurang berpengetahuan tentang adat resam perkahwinan. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab generasi muda untuk mempelajari dan mengetahui lebih terperinci tentang adat resam ini. Sekiranya usaha tidak dilakukan, sudah tentu adat ini akan ditelan dek zaman yang semakin moden.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini ialah:

- 1) Untuk mengkaji adat resam perkahwinan yang diamalkan oleh kaum Melanau, Sarawak
- 2) Untuk merungkai keunikan adat resam perkahwinan kaum Melanau, Sarawak
- 3) Untuk mengenalpasti pantang larang dalam adat resam perkahwinan kaum Melanau, Sarawak

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian ini, berikut adalah persoalan kajian yang dibentuk:

- 1) Bagaimanakah adat resam perkahwinan yang diamalkan oleh kaum Melanau di Sarawak?
- 2) Apakah keunikan adat resam perkahwinan kaum Melanau di Sarawak?
- 3) Apakah pantang larang dalam adat resam perkahwinan kaum Melanau di Sarawak?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kini, warisan budaya tradisional menghadapi ancaman kepupusan. Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara ini. Hal ini termasuklah pakaian, makanan, adat resam, seni dan sebagainya. Tamadun sesuatu bangsa biasanya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini sangat penting dan dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, berikut menunjukkan kepentingan dan sumbangan kajian yang penyelidik perolehi.

Kepentingan pertama ialah, untuk menambah koleksi rekod dan sumber lisan mengenai sejarah tradisi kaum di Malaysia. Laman Pusat Kajian Sejarah Lisan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2007) telah menekankan bahawa satu daripada kelemahan yang besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal. Koleksi rekod dan sumber lisan mengenai sejarah tradisi kaum terutamanya

kaum Melanau sangat sedikit dantidakdikemaskini. Hal ini kerana, orang sumber untuk menambah koleksi rekoddansumber lisan semakin hari semakin berkurangan.

Kepentingan seterusnya ialah, untuk menjadi rujukan generasi muda yang akan datang. Dalam artikel yang telah ditulis oleh Siti Roudhah Mohamad Saad, Rania Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan (2012), sejarah lisan juga dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan merangsang minat dan penyelidikan tentangsejarah tempatan. Oleh itu sejarah tradisi perlu dikekalkan supaya dapat menjadi rujukan kepada generasi akan datang untuk mengenali dengan lebih mendalam lagi tentang asal usul dan adat kaum yang terdapat di negara kita. Sejarah lisan ini juga perlu kekal menjadi kebanggaan masyarakat di Malaysia.

Kepentingan yang ketiga ialah, untuk memelihara dan mengekalkan warisanadat perkahwinan turun temurun. Seperti yang kita tahu, pada zaman serba modenini, banyak maklumat yang diperolehi daripada internet. Hal ini telah dibangkitkanoleh penulis dari Utusan Borneo Online yang telah melahirkan rasa kerisauan keranaianya mampu menyebabkan adat tradisional kita hilang dan pupus pada masaakandatang. Sejarah lisan yang telah dikumpul dari sumber yang sahih haruslahdipelihara agar keaslian dan keunikian sejarah itu dapat dilindungi daripada pengaruh teknologi dan unsur kemodenan kini.

TINJAUAN LITERATUR

Bagi memahami dengan lebih mendalam lagi tentang adat resam dan adat perkahwinan bagi kaum Melanau di Malaysia, kajian ini juga merujuk kepada beberapa sumber yang dipercayai bagi menyokong setiap dapatan yang diperoleh. Antara topik yang akan diulaskan dalam kajian literatur ini termasuklah yang berkaitan dengan adat resam di Malaysia dan informasi tentang kaum Melanau itu sendiri.

Definisi adat resam

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015), resam bermaksud adat yangmenjadi kebiasaan kepada sesuatu kaum atau daerah dan lain-lain. Resamini telahditanam dalam diri mereka sejak kecil lagi kerana ianya merupakan amalan yangtelah dilakukan sejak turun temurun lagi. Adat resam

juga merupakan kebiasaan cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang dapat mengambarkan corak budaya masyarakat tersebut. Di Malaysia, adat resam dan kebudayaan dapat dilihat dalam kehidupan bagi setiap kaum seperti adat resam masyarakat Melayu, Cina dan India.

Menurut Zainab binti Ishak (2003), adat dalam sesuatu kebudayaan mempunyai isi dan bentuk yang serupa. Suasana tempat, pengaruh serta corak kehidupan dan pergaulan masyarakat sekeliling turut mempengaruhi caraperlaksanaan sesuatu adat. Hal ini disokong oleh Lynn Tan Sook Ling (2019) budaya juga merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan, seperti adat, moral, nilai-nilai murni, kesenian, agama dan juga tingkah laku yang dipelajari dan diterapi daripada kelompok masyarakat. Perbezaan antara budaya adalah sangat jelas, namun begitusecara umumnya, tujuan utama adat diamalkan adalah bagi menyusun gaya hidup masyarakat agar tidak terpesong dan sesat.

Adat perkahwinan

Adat perkahwinan merupakan salah satu adat yang masih diamalkan mengikut budaya dan kepercayaan kaum masing-masing. Malangnya, adat tradisi perkahwinan semakin hari semakin dilupakan. Hal ini mungkin disebabkan kerana adat-adat sudah mengalami perubahan akibat daripada perubahan budaya yang dialami oleh masyarakat serta disebabkan oleh beberapa faktor seperti persekitaran, budaya luar serta pengaruh agama (Nuriah binti Mohd Rosli, 2011). Selain itu, amalan tradisi ini kurang diamalkan lagi mungkin disebabkan proses yang rumit sertapantang larang yang harus dipatuhi.

Seperti yang dinyatakan di petikan sebelumnya, adat perkahwinan ini sudah diubah mengikut kesesuaian pegangan agama. Kebanyakan adat perkahwinan kini hanya dilakukan mengikut kewajipan yang ditekankan dalam pegangan agama masing-masing. Pada zaman serba moden ini juga, ramai yang lebih memilih untuk membuat majlis perkahwinan yang lebih meriah dan mengikuti perkembangan semasa yang boleh dikatakan mengikut budaya luar. Pakaian perkahwinan juga telah diubah dengan pelbagai gaya dan fesyen baru yang semakin lama semakin hilang identiti tradisi kaum masing-masing.

Kaum Melanau

Menurut Nuriah Binti Mohd Rosli (2011), susun lapis sosial masyarakat Melanau ini banyak mempengaruhi sosiobudaya dalam kehidupan mereka

terutamadalam peralihan taraf bagi upacara tertentu sepeni upacara pertunangan, perkahwinan dan kematian. Mereka mementingkan pangkat iaitu berkaitan dengansoal taraf atau adat bangsa yang dapat dibuktikan melalui daripada susunanpenghidupan sosial dalam rumah panjang Melanau pada masa silam. Hal ini membuktikan bahawa pangkat sosial amat dititikberatkan dalam komuniti kaumMelanau pada masa dahulu. Hal ini telah mempengaruhi banyak perkara dalam perlaksanaan amalan adat mereka kerana ia diamalkan secara berbeza mengikut pangkat masing-masing.

Asalnya, kaum Melanau merupakan kaum yang tidak mempunyai agama (Pagan) (Nuriah,2011). Namun begitu, hal ini telah berubah setelah kedatanganagama Islam dan Kristian. Dengan adanya kepercayaan agama, kebanyakannya adat kaum Melanau dahulu sukar untuk diteruskan kerana banyak yang bertanggandengan pegangan agama bagi masyarakat Melanau pada masa ini. Pada masadahulu juga, adat dan kepercayaan ini diamalkan demi menjaga keselamatandiri kerana menganggap akan ditimpa malang atau sesuatu yang buruk sekiranyamelanggar pantang yang telah ditetapkan secara turun temurun. Oleh itu, kajianini dilakukan untuk merungkai isu tersebut dan memahami lebih mendalamlagi faktor amalan-amalan itu masih diteruskan.

Adat Resam Perkahwinan Kaum Melanau

Adat perkahwinan Melanau merupakan antara adat yang penting bagi kaumMelanau. Mengikut kenyataan daripada Borneo Oracle (2013), dalam perkahwinan kaum Melanau, aspek status sosial adalah sangat penting memandangkan ini akan melambangkan pangkat kepada pasangan tersebut di dalam institusi sosial. Hal ini dapat dijelaskan di dalam menentukan jenis barang dan hantaran yang harus disediakan sewaktu pertunangan dan barang hantaran yang diantar bersama dengan mas kahwin. Status sosial ini digelar sembilan pikul, tujuh pikul, tujuh bertirih dan lima bertirih. Perbezaan ciri-ciri yang terdapat dalam adat mengikut status sosial ini menunjukkan bahawa kaum Melanau sangat menitikberatkan pangkat atau status sosial seseorang itu. Sesetengah keluarga juga lebih cenderung untuk menerima menantu daripada keluarga yang mempunyai pangkat yang setaraf.

Mengikut Borneo Oracle (2013) juga, dalam proses melaksanakan sebuah majlis perkahwinan, adat kaum Melanau telah menetapkan beberapa syarat dan langkah-langkah bagi memastikan perkahwinan tersebut diberkati dan berpanjangan. Terdapat juga beberapa jenis barang dan hadiah yang

perlu dibawa untuk tandatunang dan barang yang mengiringi mas kahwin seperti adat menuga, adat mebindan pakan juga dikira berdasarkan status sosial ini. Namun begitu, asas adat perkahwinan adalah sama seperti masyarakat lain iaitu merisik, meminang dan majlis perkahwinan (Syahira, 2016). Walaubagaimanapun, amalan mengikut pangkat atau status sosial ini tidak lagi diamalkan dalam kalangan kaum Melanau. Kahwin campur juga semakin diterima dalam komuniti Melanau.

Pantang Larang Perkahwinan Bagi Kaum Melanau

Pantang larang pada asalnya bermaksud perbuatan yang larang atau tidakboleh dilakukan menurut adat atau kepercayaan (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2015). Oleh kerana perkahwinan merupakan satu institusi yang penting, terdapat beberapaperaturan dalam kehidupan mereka yang perlu diikuti oleh kedua-dua pasanganmempelai baik bagi lelaki atau perempuan. Antara pantang larangnya ialah, setelahsah menjadi pasangan suami isteri, suami tidak boleh menetak bumbung rumahdengan parang. Ini boleh menyebabkan hubungan di antara suami dan isteri menjadi renggang. Selain itu, suami tidak boleh memerah kelapa yang sudah diparut keranatindakan itu boleh menyebabkan perut isteri sakit atau memulas. Seterusnya pakaianyang dipakai semasa majlis perkahwinan tidak boleh dijahit walaupon koyak keranadikhuatiri boleh menyebabkan penyakit di kalangan suami isteri. Pantang larangyang terakhir, isteri yang sedang mengandung dilarang sama sekali memarut rumbiaatau menyeberangi sungai kerana akan jatuh sakit sehingga boleh menyebabkananak di dalam kandungan keguguran (Sejarah Masyarakat di Sabah dan Sarawak, 2018).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu kaedah atau teknik penyelidikan moden, yang digunakanuntuk memelihara budaya warisan yang diturunkan secara lisan yang meliputi ceritarakyat, muzik rakyat, tarian, permainan, adat resam, dan kebudayaan kearfantempatan. Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data (Patton, 1990), iaituhasil pemerhatian, hasil perbicaraan dan bahan tertulis. Bagi kajian ini, dua kaedahdigunakan iaitu kaedah temu bual dan kaedah analisa dokumen.

Kaedah Temu bual

Temu bual bermaksud pertemuan dengan seseorang untuk berosal

jawab untuk mendapatkan berita atau maklumat (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2015). Kaedah “one-on-one interview” digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan untuk memperolehi maklumat yang terperinci dan relevan mengenai sesuatu. Sesi temu bual ini dijalankan dalam anggaran masa dua jam. Temu bual ini dijalankan secara bersemuka dan formal. Perancangan yang teliti dilakukan dengan menyediakan soalan-soalan yang selaras dengan objektif kajian. Memandangkan pandemik Covid-19 sedang berlaku, *Standard Operation Procedure (SOP)* dipatuhi bagi memastikan sesi temubual dapat dijalankandengan lancer.

Analisa dokumen

Analisa dokumen seperti bahan ilmiah atau bahan tertulis digunakan dalam mengumpulkan data. Bahan-bahan ini didapati daripada perpustakaan, arkib dan di internet. Data dari sumber ini dapat mengukuhkan lagi maklumat yang diperoleh daripada sesi temu bual bersama tokoh.

Kajian-kajian ilmiah juga dirujuk untuk membantu dalam kajianini. Sumber-sumber sekunder ini seperti artikel, jurnal, majalah, buku, surat khabar dan laman sesawang. Kajian ini juga merujuk *Online Finding Aid (OFA)* iaitu The Sarawak Museum Journal, Volume XI No. 61, December 1989 - Special Issue, No. 4: Malay, Melanau And Bidayuh Cultural Heritage Seminars Held In Conjunction With 25th Aniversary Of Independence bagi memantapkan lagi kajian tentang adat resam perkahwinan kaum Melanaui ini. Seterusnya, data yang telah dikumpul, ditranskripsikan dengan teliti dan lengkap.

LATAR BELAKANG TOKOH



Gambar 1: William bin Laju

Tokoh yang dipilih ialah Encik William Bin Laju. Beliau dilahirkan pada

29 Mei 1956 dan kini berumur 63 tahun. Beliau merupakan seorang anak jati Melanau yang dilahirkan di Kampung Tellian Ulu Mukah, Sarawak. Beliau dikenali dengan nama beliau sendiri iaitu William dalam kalangan masyarakat. Manakala gelaran “Katui” oleh orang kampung yang sebaya dengannya dan panggilan “Papa” oleh orang-orang kampung yang lebih muda.

Beliau merupakan anak kepada pasangan Mimit bin Sin dan Joseph Lajo. Beliau juga merupakan anak ke-11 daripada 12 orang adik beradik. Kini, beliau masih menetap di Kampung Tellian Ulu, Mukah, Sarawak bersama isterinya, Beatrice Normah binti Nanas dan dikurniakan dengan tujuh orang anak lelaki. Encik William mempunyai pelbagai hobi. Beliau gemar menonton televisyen, membaca dan menyemak fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang berkaitan dengan bidang kerjanya, bidang adat untuk membuat rujukan.

Encik William juga telah mendapat pendidikan awal beliau di Sekolah Kebangsaan Kampung Tellian pada tahun 1962 dan pendidikan akhir di Sekolah Menengah St Patrick, Mukah pada tahun 1970. Encik William pernah bekerja sebagai pembalak kayu, penoreh kelapa sawit dan pegawai atau penguatkuasa di Jabatan Tanah dan Survei Miri. Beliau sudah menjadi ketua kampung sejak tahun 2010 hingga kini.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini adalah melalui temu bual bersama tokoh, iaitu William bin Laju yang merupakan salah seorang pengamal adat resam perkahwinan asli kaum Melanau. Daripada kajian ini, penyelidik dapat merungkai dengan lebih terperinci lagi proses dalam melaksanakan adat perkahwinan bagi kaum Melanau. Perkara yang telah disentuh dalam proses temu bual tersebut adalah seperti adat merisik, bertunang, upacara sebelum majlis perkahwinan, hari perkahwinan, pakaian pengantin, hiasan pelamin, adat selepas majlis perkahwinan dan pantang larang dalam adat. Daripada ini, penyelidik dapat mengenal pasti keunikan dan pentang larang yang terdapat dalam adat resam perkahwinan kaum Melanau dengan lebih perinci.

Adat resam merupakan turun-temurun atau nasihat secara lisan dari nenek moyang yang terdahulu. Amalan adat perkahwinan mengikut adat tradisi Melanau itu sendiri adalah digalakkan, namun bukan diwajibkan. Pilihan untuk melaksanakan majlis perkahwinan mengikut adat adalah atas pilihan pasangan pengantin itu sendiri. Namun begitu, beliau masih berharap agar adat resam ini

masih diteruskan oleh generasi kini kerana beliau berpendapat bahawa “Kalau bangsa itu hilang adat, hilanglah maruahnya” (William, 2020).

Adat resam perkahwinan yang diamalkan oleh kaum Melanau, Sarawak

Aspek utama yang dititikberatkan dalam adat perkahwinan kaum Melanau ini adalah susunan pangkat dalam masyarakat. Antara status pangkat yang terdapat dalam masyarakat kaum Melanau ialah sembilan pikul iaitu orang pangkat tertinggi iaitu golongan bangsawan, tujuh pikul pula orang pangkat pertengahan dan lima pikul atau tujuh petiris adalah orang bawahan. Amalan adat perkahwinan adalah dilakukan mengikut pangkat seseorang itu, lebih tepat lagi, majlis yang dilakukan haruslah mengikut pangkat keluarga pihak pengantin perempuan. Oleh itu, pihak pengantin lelaki haruslah memenuhi kehendak dan syarat yang ditetapkan oleh keluarga pengantin perempuan mengikut adat yang dimiliki pihak tersebut.

Keunikan adat resam perkahwinan kaum Melanau, Sarawak

1. Adat merisik atau *Membawen*

Langkah pertama dalam adat perkahwinan kaum Melanau ialah adat merisik iaitu *membawen* dalam bahasa Melanau. Mengikut adat terdahulu, majlis perkahwinan adalah ditetapkan oleh ibu bapa masing-masing. Dalam proses merisik, pihak lelaki akan menghantar wakil, ataupun ibu bapa pihak lelaki itu sendiri pergi berjumpa keluarga pihak perempuan untuk bertanya status dan jawapan pihak tersebut. Selepas proses ini, pihak perempuan akan menetapkan masa dalam beberapa minggu atau bulan sebelum memberikan jawapan untuk risikan dari pihak lelaki.

Mengikut amalan kaum Melanau dahulu, mereka akan memilih pasangan dari kalangan saudara-mara sendiri iaitu orang yang saling mengenali antara keluarga. Hal ini kerana, masyarakat dahulu menganggap bahawa sekiranya berkahwin dalam keturunan sendiri, hubungan itu dapat dilindungi dan mengelak daripada berlakupercerai antara pasangan. Dari segi pemikiran masyarakat terdahulu, mereka tidak akan bercerai dengan pasangan kerana ia kini tanggungjawab mereka untuk menjaga hubungan antara keluarga masing-masing. Sekiranya bercerai, ia dianggapkan menyebabkan keluarga berpecah-belah dan hilang perpaduan. Berbeza dengan masa ini, hal ini tidak lagi diamalkan dan anak-anak Melanau dapat memilih pasangan masing-masing tanpa mengira pangkat atau latar belakang

keluarga masing-masing. Ibu bapa pula cuma perlu merestui pilihan pasangan anak-anak.

2. Adat bertunang

Selanjutnya, proses bertunang. Setelah mendapat jawapan ataupun persetujuan daripada pihak perempuan, kedua-dua belah pihak keluarga dapat meneruskan perancangan mengenai tarikh perkahwinan dan keperluan adat yang perlu dilakukan. Memandangkan adat perkahwinan adalah mengikut pangkat keluarga pihak pengantin perempuan, maka pihak pengantin lelaki haruslah memenuhi permintaan daripada keluarga pihak pengantin perempuan. Sekiranya pihak lelaki berpangkat lima pikul manakala pihak perempuan adalah sembilan pikul, majlis tersebut akan dilaksanakan mengikut adat pengantin perempuan iaitu sembilan pikul.



Gambar 2: Contoh bekas barang adat bertunang untuk pangkat Sembilan pikul

Bagi adat pertunangan bagi pasangan tujuh petiris, pihak lelaki perlunya menyediakan sebentuk cincin belah rotan disimpan dalam *kepuran* (bekas tepak siri tembaga), cempol emas, segantang padi dalam *segamut* (bekas tembaga), sebiji kelapa disimpan dalam *bukue* (bekas tembaga). Manakala bagi pasangan adat sembilan pikul pula, sebentuk cincin belah rotan yang disimpan dalam cempol emas, segantang padi dalam *jahai* dan *anyam senebeing* (bakul anyaman), dan sebiji buah kelapa dalam *sementan* (bekas tembaga). Untuk kedua-dua bakul bagi segantang padi dan buah kelapa tersebut, ia akan ditutup dengan *beburung* (terendak kecil).



Gambar 3: Keluarga pihak lelaki berbincang dengan ketua adat untuk memeriksa barang adat

Manakala, sekiranya pertunangan tersebut diputuskan atau dalam bahasa Melanau mungkir janji, terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh pasangan tersebut. Sekiranya pihak lelaki yang memutuskan pertunangan, semua barang yang telah dihantar kepada pihak perempuan tidak akan dipulangkan dan menjadi hak milik pihak perempuan. Duit yang telah dibelanjakan juga akan terbuang begitu sahaja. Sementara itu, sekiranya pihak perempuan yang memutuskan hubungan, semua barang yang telah dihantar oleh pihak lelaki akan dibayar balik termasuk wang belanja yang telah digunakan.

Bagi kedua-dua situasi ini, pihak yang memutuskan pertunangan tersebut juga mesti membayar "hukum adat" mengikut jumlah pikul yang telah dipilih kepada pihak yang diputuskan pertunangan. Bayaran "hukum adat" bagi satu pikul pada masa dahulu adalah sebanyak RM25 tetapi kini telah dinaikkan kepada RM100. Upacara bertunang mengikut adat ini hanya boleh dilakukan sekali sahaja seumur hidup. Oleh itu, sekiranya pasangan yang pernah putus mengikut adat tadi ingin bertunang dengan pasangannya yang baru, mereka tidak boleh lagi meminta "tunangadat" bagi kali kedua.

Contohnya, pihak perempuan yang pernah bertunang mengikut adat sebelum ini tidak lagi boleh meminta barang adat penuh seperti sebelumnya dan cuma boleh bertunang biasa sahaja. Gelaran oleh kaum Melanau bagi perempuan yang pernah putus tunang ini ialah "janda berhias". "Janda berhias" ini tidak boleh ditunang kandua kali dengan orang lain. Semua barang hantaran

yang pernah diberikan seperti cincin, sebiji buah kelapa dan segantang padi tidak lagi boleh diminta. Ini dinamakan Minta Adat. Menurut William (2020), seseorang itu boleh mengikut adat hanya sekali dalam seumur hidupnya.

Selepas pasangan tersebut disahkan bertunang, maka berlakulah proses meminta barang adat. Bagi yang tujuh petiris, si perempuan akan meminta adat perkahwinan seperti Surueng Berian, manakala bagi si lelaki, dia akan memintasebilah Kaheh atau lembing.

3. Adat pernikahan

Pada zaman sekarang, acara pernikahan boleh dijalankan mengikut agama masing-masing. Tiada halangan sekirannya pasangan tersebut ingin mengikut adat. Majlis adat akan dilakukan selepas pernikahan di gereja, sebagai contoh. Sekiranya mengikut adat terdahulu, disebabkan kaum Melanau ini merupakan kaum yang tidak mempunyai kepercayaan agama mereka menganggap proses berkahwin inilah yang mengesahkan hubungan suami isteri ini. Bermula dari proses *surueng berian* sehingga *bukak kelambok* yang ditamatkan tiga hari selepas hari perkahwinan.

4. Adat Perkahwinan

Pengantin perlu menyediakan makanan jemputan kepada keluarga terutamanya secara bergotong-royong. Selain daripada keluarga, saudara-mara yang terdekat serta ketua adat seperti ketua kampung, ketua kaum, penghulu dan ahli jawatankuasa adat perlu terlibat dalam majlis pernikahan tersebut.

a) *Surueng Berian*

Berdasarkan adat kaum Melanau ini, terutamanya anak perempuan, mereka akan mengikut keturunan bapa mereka. Sebagai contoh, sekiranya seorang bapa itu sembilan pikul, maka anak-anak perempuannya juga mesti mengikut adat sembilan pikul. Menurut William (2020), semasa hari perkahwinan atau dalam Bahasa Melanaunya adalah Serueng Berian dan menghantar kelengkapan adat, ada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang tertentu. Sebagai contoh, pihak lelaki mesti berkunjung ke rumah pihak perempuan terlebih dahulu bersama barang-barang yang telah diminta. Adat ini dilaksanakan sehari sebelum majlis persandingan dilakukan.



Gambar 4: Proses surueng berian dari wakil pihak pengantin lelaki ke wakil pihak pengantin perempuan

Barang-barang yang mesti disediakan untuk upacara surueng berian ini adalah seperti, Sebuhueng, Jejug, menugak barang tembaga, tempayang yang ditempah khas lengkap dengan batu asah dan pinggan kecil atau dalam Bahasa Melanaunya, Kanan Seni dan sejenis alat Tema'emberupa penyepit.

Selain itu, manik juga perlu dibawa oleh pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan. Manik tersebut juga dibawa mengikut pangkat masing-masing. Sebagai contoh, orang yang berpangkat sembilan pikul, perlu membawasembilan biji manik Kahet atau manik tradisi. Nilai manik tersebut adalah sebanyak RM18,000 ke RM25,000. Manik tersebut boleh dipinjam. Sekiranya barang-barang tradisi ini tidak dapat disediakan, ia boleh digantikan dalam bentuk nilai mata wang.



Gambar 5: Contoh barang yang diganti dalam bentuk wang dalam surueng berian

Barang-barang tersebut digunakan untuk majlis adat atau Pukad. Sekiranya telah lengkap, barulah pengantin lelaki dapat naik ke rumah. Sekiranya tidak lengkap, pengantin perempuan tidak akan turun dan keluar dari rumahnya, maksudnya majlis tidak dapat dijalankan. Terdapat orangsuruhan atau dayang-dayang yang akan disuruh untuk pergi ke rumah pengantin lelaki sehari sebelum majlis pernikahan tersebut dan bertanya adakah pihak lelaki tersebut telah bersedia dan lengkapkah barangkelengkapan yang telah diminta semasa hari Surueng Berian itu.



Gambar 6: Contoh barang adat semasa surueng berian

Setiap perkahwinan pasti ada pelamin dan tidak terkecuali dalam adat perkahwinan kaum Melanau. Hiasan pelamin juga mengikut cita rasa sendiri. Tetapi, semasa bersanding, barang-barang adat mesti lengkap seperti, Sebuhueng, Jejug, manik pukat, sebentuk cincin dan gelang tembaga. Menariknya adat perkahwinan kaum Melanau ini, sebelum pengantin perempuan naik ke rumah, dia akan dicuci dulu-dulu kakinya. Anak tanggap pertama akan dicuci terlebih dahulu dengan air di dalam tempayan tersebut sebelum pengantin perempuan tersebut memijak tangga pertama. Selepas itu, pengantin perempuan tersebut akan disarungkan dengan sejenis kain pelikat. Kain pelikat tersebut juga ada jenisnya berdasarkan pangkat masing-masing. Bagi orang sembilan pikul, akan dipakai Bideak Lugik. Bagi orang tujuh pikul, akan dipakai Bideak Penakan dan bagi orang tujuh betiris atau lima pikul akan dipakaikan Bideak Limal.

Selepas dicuci kakinya dan dipakaikan kain pelikat tersebut, sebelum duduk di kerusi untuk bersanding, manik yang mahal tersebut akan diserahkan kepada pengantin. Jumlah adalah berbeza mengikut pangkat iaitu sembilan biji kalau sembilan pikul, tujuh biji untuk tujuh pikul. Kemudiannya, disarungkan

cincin dan dimasukkan gelang tembaga.

Barang-barang dan adat tersebut mempunyai maknanya yang tersendiri. Adat mencuci kaki tersebut adalah untuk membuang segalasial atau nasib malang atau malapetaka ke rumah mentua atau rumah suami. Cincin itu pula adalah untuk menguatkan semangat atau keteguhan hati. Bagi manik tersebut, apabila telah bersatu dengan keluarga ini dan telah menjadi suami isteri, eloklah dihias dengan cantik dengan barang yang mahal dan kemas supaya cahaya keberkatan itu dapat dilihat. Bagi gelang tembagapula, ianya bermaksud untuk menguatkan segala tulang dan semangat agar tidak lemah, tahan cabaran dan tahan dugaan.

b) Pakaian Pengantin dan Pelamin

Bagi pakaian pengantin perempuan semasa hari persandingan tersebut, pengantin wajib mengikut pangkat dan darjah diri sendiri. Sebagai contoh, orang sembilan pikul, dia mesti mengikut *Serbang* iaitu perhiasan yang banyak dan katil juga mesti dihias yang dinamakan *Gatak* untuk melengkapkan adat itu. Untuk membuat persiapan tersebut, masa yang diambil kira-kira setahun atau lebih.



Gambar 7: Pengantin Bersama pengapit di atas pelamin

Pada zaman sekarang, untuk membuat bahan hiasan untuk katil pengantin, bagi orang sembilan pikul boleh menelan puluhan ribu semata-mata ingin melengkapkan barang hiasan tersebut. Mengikut orang Melanau pada zaman dahulu, orang yang sembilan pikul mesti bersanding atas pelamin,

manakala orang tujuh bertirih tidak boleh bersanding di atas pelamin. Tambah beliau lagi, orang sembilan pikul dan orang tujuh pikul boleh bersanding di atas pelamin tetapi mesti mengikut hiasan berdasarkan pangkat masing-masing.

c) Majlis Petudui

Semasa hari persandingan berlangsung, pasangan pengantin belum sah sebagai suami isteri lagi. Ada satu majlis yang diadakan pada waktumalam atau petang yang dinamakan sebagai majlis *Petudui*. Majlis tersebut juga mempunyai barang yang tersendiri. William (2020) juga adanya nyatakan tujuan mengadakan majlis tersebut. Sebagai contoh, majlis perkahwinan dan persandingan diadakan untuk menunjukkan bahawa zaman bujang telah tamat dan berlalu. Selepas bersanding, ada satu majlis yang dinamakan sebagai majlis *Malam Petudui*. *Majlis Petudui* adalah masuk bilik atau *kelambok* orang dan akan dimasukkan manik iaitu manik yang telah lama yang disebut sebagai *Manik Tileg*, sebentuk cincin emas dan satu gelang tembaga.



Gambar 8: Contoh gelang-gelang yang dihadiahkan kepada pengantin perempuan Sumber: Laman Sosial Facebook Pixoreal Image

Sebelum masuk kelambu, pengantin perempuan mesti memakai barang-barangan tersebut untuk menguatkan semangatnya dan sebagai tanda untuk menjalani kehidupan sebagai suami isteri. Pengantin perempuan juga perlu memakai wangи-wangian dan terdapat dua puluh lima jenis barang lagi yang perlu ada semasa masuk kelambu. Barang-barang tersebut termasuklah tiga bungkus damar yang telah dibungkus dalam bentuk khas, dua batang sumpit yang berbeza: satu sumpit mempunyai lembing di hujung dan satu lagi sumpit yang kosong, lima kain sarung, *Kasak*, dan *Selepeg* untuk wangи-

wangian.

Barang-barang yang disediakan dan adat yang diamalkan ini adalah untuk mendisiplinkan diri sendiri. Ianya juga untuk simbol saling hormat-menghormati sesama pasangan. Tambah beliau lagi, beginilah kesusahan orang tua mengawinkan pasangan tersebut dan bagaimana susahpun, mereka mesti menghormati adat resam mereka.

Selepas tiga hari selepas majlis perkahwinan itu, pasangan pengantin baru akan mengadakan majlis *bukak kelambok*. Keluarga dari kedua-duabelah pasangan suami isteri itu, kemudiannya akan datang dan mendoakan kepada mereka. Maka, telah lengkap dan selesailah tanggungjawab mereka sebagai orang Melanau. Adat ini perlu dipatuhi dan diikuti agar tidak asal usul mereka sebagai orang Melanau tidak dilupakan.

Pantang larang perkahwinan kaum Melanau, Sarawak

Antara pantang larang yang terdapat dalam adat resam perkahwinan kaum Melanau, Sarawak adalah selama tiga hari, pengantin tidak boleh melakukan perkara yang biasa dilakukan. Di sinilah pengapit memainkan peranan membantu pasangan pengantin tersebut. Antara pantang larangnya yang mesti diikuti adalah seperti tidak boleh melakukan aktiviti harian. Contohnya, pengantin tidak perlu menyediakan air mandian, makanan dan tidak boleh keluar rumah selama tiga hari tersebut. Pengantin juga dilarang untuk menjenguk ke luar rumah. Pengantin tidak boleh makan buah masam, memegang senjata yang tajam. Pengantin juga tidak boleh tengok cermin selama tiga hari tersebut.

Kesemua pantang larang bermula pada hari persandingan sehingga tiga hari yang seterusnya. Apabila telah tamat tempoh tiga hari tersebut, maka, berakhirlah pantang larang tersebut. Pantang larang tersebut bertujuan merehatkan pasangan pengantin setelah bertungkus lumus melaksanakan kewajipan adat mereka. Sepanjang tiga hari tersebut, pasangan pengantin ini akan dilayan seperti raja seperti yang dinyatakan dalam pepatah sebagai "raja sehari" kerana semuakeperluan mereka akan disediakan oleh orang lain.

Segala pantang larang dan amalan yang diterapkan dalam adat resam perkahwinan kaum Melanau ini haruslah diteliti dan diikuti sepenuhnya. Dalam kepercayaan kaum Melanau yang terdahulu sekiranya seseorang itu melanggar amalan dan pantang yang diwajibkan, ia akan memberi kesan

kepada hubungan dan keturunan pasangan tersebut seperti anak-anak yang tidak sempurna fizikal ataupun hubungan perkahwinan yang tidak berkekalan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, adat dan resam yang telah diamalkan dari turun temurun haruslah dipelajari dan dipelihara agar tidak hilang dalam peredaran masa. Adat resam inilah yang menjadi identiti dan keunikan kaum yang terdapat di negarakita. Generasi kini harus didedahkan dengan keunikan warisan dan adat resam lama kerana mereka merupakan penyambung warisan negara. Ringkasnya, adat perkahwinan kaum melanau mempunyai keunikan dan gayanya tersendiri yang membezakannya dengan amalan kaum lain yang terdapat di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat menunjukkan keindahan dan keunikan tradisi kaum Melanau yang masih kurang diketahui oleh orang ramai.

Malangnya gaya hidup masa ini yang lebih moden semakin hari semakin mengurangkan identiti tradisi kaum yang terdapat di Malaysia. Individu yang mengamalkan adat tradisi pula dianggap kolot dan ketinggalan zaman. Mentaliti seperti ini haruslah dibuang dari minda masyarakat kita agar amalan ini dapat diteruskan dan bukan semakin ditinggalkan dan akhirnya dilupakan. Diharapkan, dengan adanya hasil kajian ini adat resam perkahwinan tradisional kaum Melanau dapat lebih difahami dan diketahui umum. Adat resam tradisional merupakan jati diri dan identiti kita sendiri. Masyarakat khususnya generasi seharusnya mengambil inisiatif untuk mempelajari dan mengamalkan adat resam yang menjadi identiti negara seterusnya dapat mengekalkan warisan turun temurun.

RUJUKAN

Adakah Perbezaan Budaya Dan Adat Di Malaysia Mengkekang Kekuatan Perpaduan Masyarakat? (2019). Diakses pada 16 November 2020, dari <https://solidaritas.my/adakah-perbezaan-budaya-dan-adat-di-malaysia-mengekang-kekuatan-perpaduan-masyarakat/>

Adat Istiadat Perkawinan Masyarakat Melanau Di Desa Petanak, Kecamatan Mukah, Kabupaten Kuching, Malaysia - Digilib Uin Sunan Ampel Surabaya. (N.D.). Diakses pada 16 November 2020, dari <Http://Digilib.Uinsby.Ac.Id/15783/>

Definisi Pantang Larang. (2015, June 1). Dewan Bahasa Dan Pustaka; Dewan Bahasa & Pustaka.

[#LIHAT SI NI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pantang+larang&d=176312)

- Evolusi Media Sosial. (2015, December 17). <http://evolusimediasosial.blogspot.com/>
- Furqan, F. N. M. N. (2017). Adat Istiadat Perkawinan Masyarakat Melanau Di Desa Petanak, Kecamatan Mukah, Kabupaten Kuching, Malaysia.
- Hamid, N. A. (n.d.). Varian Melanau Sarawak: Tinjauan Di Melanau Mukah Variant Melanau Sarawak: Review In Melanau Mukah. Jurnal Melayu Bil, 15(1), 2016.
- Intan Zarina Bt Tengku Puji, T., Bin Ibrahim, M., Shukri Bin Nordin, Z., Bt Abdullah, I., Bt Salleh, N., Bin Husain, M., & Binti Abd Ghani Tengku Intan Zarina Bt TengkuPuji, M. (n.d.). Analisa Terhadap Adat Dan Keistimewaan Masyarakat Melanaudi Sarawak.
- Ishak, Z. (2003). Pengaruh peradaban Islam ke atas peradaban Melayu dari sudut adat resam dan kepercayaan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Jeju, M. Masalah dalam kaedah sejarah lisan. Academia Edu. Diakses pada 5 Disember 2020, dari https://www.academia.edu/17246746/masalah_dalam_kaedah_sejarah_lisan
- Kaum Melanau - AdiratnaliciousTp.Simplesite.Com. (N.D.). Diakses pada 16 November 2020, dari <Http://AdiratnaliciousTp.Simplesite.Com/>
- Kekal adat resam supaya tidak pupus ditelan zaman. (n.d.). Utusan Borneo Online. Diakses pada 5 Disember 2020, dari <https://www.utusanborneo.com.my/2017/06/24/kekal-adat-resam-supaya-tidak-pupus-ditelan-zaman>
- Kependudukan Sarawak. Kepentingan Budaya Tradisional Kita. (2008, Mac 16).<https://mazlan66.wordpress.com/2008/03/16/kepentingan-budaya-tradisional-kita/>
- Latar Belakang Kaum Melanau Di Sarawak Yang Anda Perlu Tahu. (n.d.). Diakses pada 16 November 2020, dari <https://www.ilovekch.com/ourlocalstory/latar-belakang-kaum-melanau-di-sarawak-yang-anda-perlu-tahu/>
- Melanau Hubungan Etnik 2016. (n.d.). Diakses pada 13 November 2020, dari <https://www.slideshare.net/MirzaQayyum1/melanau-hubungan-etnik-2016>
- Mimi Sabreena. (2016). Perkahwinan Masyarakat Melanau Mukah. MukahPAGES. <https://mukahpages.blogspot.com/2016/02/perkahwinan-masyarakat-melanau-mukah.html>
- Mohd Shaffie. 1991. Metodologi Penyelidikan edisi ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oracle, B. (2013). Adat resam perkawinan masyarakat Melanau, Sarawak. <https://www.facebook.com/BorneoOracle/photos/adat-resam->

perkahwinan- masyarakat-melanau-sarawakmasyarakat-melanau-merupakan- sa/509677582412464/

Patton, M. Q. (1990). Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

Pengajian Malaysia: Bab 2: Budaya. (2014).
<http://pengajianmalaysiaikmtya.blogspot.com/2014/08/bab-2-budaya.html>

Pola peningkatan penduduk Melanau di Sarawak - Sarawakvoice.com. (n.d.).

Diakses pada 5 Disember 2020, dari
<https://sarawakvoice.com/2019/06/10/pola-peningkatan-penduduk-melanau-di-sarawak/>

SARAWAK BUMI KENYALANG. Diakses pada 5 Disember 2020, dari
<http://isswak.weebly.com/>

Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah, & Noor Azlinda. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. Jurnal PPM Vol. 6, 6, 63–76.

Syahira. (2016, September 30). Perkahwinan Etnik Melanau.
<http://berangankejap.blogspot.com/2016/09/perkahwinan-etnik-melanau.html>

Taylor, SJ dan R Bogdan. 1984. Introduction to Qualitative Research Methods: TheSearch for Meanings. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.

UKM. (2007). Kepentingan Sejarah Lisan. In Pusat Kajian Sejarah Lisan.
<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

USM News Portal - Tradisi Lisan Warisan Bangsa Perlu Dipelihara Dan DiperjuangUntuk Generasi Akan Datang. Diakses pada 5 Disember 2020, dari <https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/3958-tradisi-lisan-warisan-bangsa-perlu-dipelihara-dan-diperjuang-untuk-generasi-akan-datang>

William bin Laju (21 Disember 2020), Temu bual Berstruktur

Zanas. (n.d.). Adat dalam masyarakat Malaysia dan kepentinganya. Diakses pada 6 Disember 2020, dari <https://zanas.wordpress.com/pembinaan-bangsa-dan-negara-malaysia-yang-berdaulat/adat-dalam-masyarakat-malaysia-dan-kepentinganya/>